



## Kelebihan Akar Putra

- Telurnya lebih besar sedikit berbanding ayam kampung biasa dengan berat antara 50 dan 60 gram sebiji, bertujuan untuk menghasilkan anak yang besar serta sihat.
- Induk baka bertelur cara konsisten dan tidak akan mengeram.
- Terdapat beberapa ciri baka ini, iaitu warna keting kaki ayam betina yang kehijauan, gelap sedikit atau kuning, manakala keting kaki ayam jantan pucat, keputihan atau kuning.
- Berat ayam dewasa anggaran berumur 10 minggu ialah satu kilogram.
- Balung berbentuk sesikat.
- Warna umum bagi bulu ayam jantan ialah warna merah, tetapi ada juga dihasilkan warna lain yang menarik.
- Boleh menghasilkan antara 150 dan 200 biji telur semusim berbanding ayam hutan antara empat dan enam biji, manakala ayam kampung tradisional hanya bertelur sehingga 12 biji semusim.
- Disyorkan cara pelihara berlepas, dan khasiat daging boleh ditingkatkan dengan penggunaan herba.

# Akar Putra

Ayam hibrid hasil kacukan ayam hutan dan ayam kampung

Oleh LAUPA JUNUS

Gambar MOHD NAJIB MOHD NOR



TELUR anak ayam Akar Putra yang baru menetas.

JANGAN terperanjat dengan kenyataan ini. Tidak ada keaslian pada ayam kampung tempatan kerana beberapa faktor antaranya ayam kampung tempatan adalah warisan baka-baka ayam moden dari luar negara.

Ayam kampung atau nama saintifiknya *Gallus gallus domesticus* merupakan jenis ayam yang popular dan mempunyai pasaran tersendiri atau *niche market* yang mendapat sambutan.



ANAK ayam Akar Putra berumur sebulan yang akan dijadikan baka.

Mereka yang sudah biasa makan daging ayam kampung pasti mengetahui rasanya yang berbeza berbanding ayam lain.

Yang pasti lazatlah daging ayam kampung tradisional.

Ayam kampung tradisional adalah lebih baik berbanding jenis ayam kampung yang membanjiri pasaran tempatan sekarang iaitu ayam kampung kacukan dan ayam warna.

Badan ayam kampung tradisional tidak terlalu berisi berbanding ayam lain termasuk ayam kampung kacukan yang biasanya lebih berisi dan besar.

Oleh itu ayam kampung tradisional biasanya lebih aktif, lasak dan membuatnya lebih ringan, manakala ototnya kental dan mempunyai nilai nutrisi yang tinggi.

Ciri-ciri lain pada ayam kampung tradisional ialah keting kaki yang tak khusus warnanya dan balung yang tidak khusus bentuknya.

Selain susuk badan yang ramping, memang tidak ada piawaian lain bagi ayam kampung tradisional kerana darahnya mempunyai gabungan pelbagai baka moden termasuk gabungan dengan ayam hutan.

Kini, antara jenis ayam kampung yang popular ialah ayam arab dan ayam leher botak.

Ramai mungkin telah mendengar mengenai baka yang dikategorikan sebagai moden seperti *Plymouth Rock*, *New Hampshire*, *Brown Leghorn* dan *Australorp* pada era 80an.

Pada masa sama, ayam hutan yang





**TELUR Akar Putra yang dieramkan dalam inkubator di Serdang, Selangor.**



**SISWAZAH pelatih, Muhammad Khuzaily (kiri) dan pembantu Veterinar, Azam Azman sentiasa memantau pemakanan dan kesihatan ayam baka bagi mendapatkan pengeluaran telur bernas yang baik.**

dianggap sebagai baka asal mungkin juga tidak lagi tulen kerana berlaku kacukan dengan ayam kampung yang dibawa ke hutan pada zaman komunis dahulu.

Lebih-lebih lagi adalah menjadi perkara biasa sekarang melihat ayam hutan jantan berkawan dengan ayam kampung betina.

Namun isu yang kini menjadi semakin mendapat perhatian ialah meskipun popular dan mendapat permintaan, bekalan ayam kampung amat terhad.

Dengan sambutan yang semakin menggalakkan itu, sesuatu perlu dilakukan bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

"Malangnya pengeluaran ayam kampung tempatan ketika ini hanya empat peratus berbanding keseluruhan lebih sejuta ekor ayam sehari yang dipasarkan dalam industri," kata penyelidik Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr. Azhar Kassim.

Beliau berkata, jumlah yang boleh dianggap sedikit itu sebenarnya satu peluang bagi

industri memikirkan kaedah penambahan pengeluaran ayam kampung ketika ini.

Industri ayam kampung sebenarnya berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana jumlahnya di pasaran yang sedikit diancam oleh masalah penyakit seperti penyakit sampar (Newcastle disease) yang boleh membantutkan industri tersebut.

Menurut Dr. Azhar, antara masalah lain ialah ayam kampung tradisional dipelihara lepas bebas tanpa pengurusan sistematik, berskala kecil dan tidak komersial.

Menurut beliau, bagi mengatasi kekurangan bekalan itu, antara langkah yang diambil oleh pengusaha tempatan ialah mengimport ayam warna sebagai alternatif.

Baka tersebut kemudian dikahwinkan dengan ayam kampung tempatan untuk mendapat anak yang memperlihatkan ciri ayam kampung, biasanya pada warna bulu.

Usaha tersebut yang bermula pada 1980an akhirnya berjaya meningkatkan jumlah ayam

kampung untuk tujuan komersial selepas 30 tahun tetapi belum memadai bagi menghasilkan baka yang lebih baik atau sempurna.

Ayam kampung tradisional hanya sesuai dijual ketika berumur 16 minggu. Ayam warna pada seawalnya umur lapan minggu dan ayam kampung kacukan pada umur 12 minggu.

"Apa yang kita ada sekarang dalam industri tempatan pada skala yang besar ialah ayam kampung kacukan yang belum dapat menyerupai ayam kampung tradisional.

"Contohnya, bagi ayam kampung kacukan tersebut, saiz badannya yang kurang ramping (banyak berisi) dijual dengan harga borong RM9 sekilogram berat hidup.

"Saiz badan yang ramping sedikit boleh meningkatkan harga kepada RM12 sekilogram," ujar Dr. Azhar.

Katanya, ayam kampung tradisional pula dengan jumlahnya yang terhad boleh melampaui harga RM16 sekilogram atau dikira mudah dengan harga RM25 seekor jika tidak ada alat penimbang.

## Akar Putra akan dikomersialkan

MENYEDARI akan kekangan dalam membangunkan industri ayam kampung di negara ini, Prof Madya Dr. Azhar Kassim telah memulakan satu inisiatif menghasilkan produk ayam yang baru hasil dari kacukan ayam kampung terpilih dengan ayam hutan, satu pendekatan unik dan terkini yang jarang dilakukan penyelidik.

Menurut Dr. Azhar, beliau memulakan penyelidikan tersebut di UPM pada 2005, dua tahun selepas berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Institut Kemajuan Ternakan Ayam Johor.

Beliau berkhidmat selama empat tahun di institut tersebut yang terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan telah mula mengumpulkan baka ayam kampung pada 1999 untuk tujuan penyelidikan pembiakbakaan selepas mendapati industri berpotensi untuk dimajukan.

Seterusnya, semasa di UPM, beliau mendapat ilham untuk menggunakan pendekatan baru selepas melihat adanya populasi ayam hutan di universiti terbabit yang terkenal dengan institusi yang mempunyai ladang dan kawasan dusun buah-buahan yang luas.

Ayam hutan pula banyak kelihatan berkeliaran di sekitar tempat penyelidikan ayam kampung.

Adalah tidak menghairankan bahawa pemerhatian peringkat awal mendapati proses kacukan telah berlaku secara semulajadi apabila beberapa ekor ayam hutan jantan telah terbang masuk ke kawasan pemeliharaan ayam kampung yang berpagar, iaitu situasi yang sama yang berlaku di kampung halaman.

Apabila diteliti yang anak yang dihasilkan bersaiz agak kecil, beliau akhirnya mendapati, baka tersebut hasil kacukan kedua-dua jenis ayam berkenaan.

Beliau kemudian menyimpan dan membiakkan ayam kampung berketurunan ayam hutan itu.

Melihat ciri-ciri fizikal, kacukan ini amat berbeza dengan ayam hutan jika diteliti setiap ciri anggota badan.

Kaedah atau prinsip yang beliau gunakan ialah memasukkan ciri-ciri ayam hutan ke dalam ayam kampung dengan hasil baka bersaiz sekilogram dalam tempoh 10 minggu.

Tempoh pembesarannya adalah baik sebab baka ayam kampung yang digunakan adalah jenis cepat membesar, satunya output penyelidikan yang menarik.

Berat ayam jantan dewasa boleh melampaui 2.5 kilogram.

Hasilnya, Dr Azhar berjaya menghasilkan baka ayam kampung baru yang mempunyai darah ayam hutan yang beliau namakan sebagai Akar Putra.

Perkataan "Akar" bersesuaian dengan warisan ayam hutan yang memang berakar umbi selama ini di UPM dan "Putra" mengambil sempena nama UPM.

Fasa pertama projek anak ayam kampung Akar Putra dijangka dapat dikeluarkan pada awal Ogos ini dengan jumlah awal kira-kira 200 ekor seminggu.

Bilangan tersebut dapat digandakan jika ada penambahan dana projek.

Dr. Azhar berkata, penyelidikan seterusnya ialah mengenai bagaimana memasukkan ayam kacukan berkenaan selepas tempoh 10 minggu dengan berat boleh mencapai 1.2 ke 1.5 kilogram.

Saiznya mungkin tidak besar kerana pengaruh ayam hutan, tapi keistimewaan adalah pada keenakan dagingnya.

Dalam pada itu, UPM menerusi Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) akan menganjurkan kursus Pembiakan dan Pemakanan ayam kampung yang akan diadakan pada 8 dan 9 Jun 2013 di UPM, Serdang.

Penyertaan kursus berkenaan dikenakan yuran pendaftaran yang berpatutan.

Nota, sijil, beg kursus dan makanan disediakan.

Sebarang pertanyaan mengenai kursus ini boleh menghubungi pihak urus setia kursus di UCTC melalui nombor 03-8947 1819/ 1814/ 1816/ 1807.



**DR. Azhar menunjukkan sangkar yang direka khas untuk penyelidikan yang dijalankan.**